

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN
AHMAD [KUALA KANGSAR]** minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan bagaimanakah cara dan salurannya untuk para graduan
membeli dan memiliki aset seperti rumah dengan pendapatan yang
rendah dan pengeluaran KWSP yang tidak mencukupi bagi memiliki
hartanah dan rumah yang bernilai tinggi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Skim KWSP adalah

untuk menyediakan simpanan persaraan untuk digunakan oleh ahli untuk membiayai sara hidup apabila bersara kelak. Simpanan Ahli KWSP terbahagi kepada dua akaun iaitu Akaun 1 dan Akaun 2. Akaun 1 adalah merupakan 70% daripada simpanan dan khusus untuk persaraan dan Akaun 2 adalah merupakan 30% daripada simpanan dan dikhususkan untuk pengeluaran pra-persaraan yang boleh menambah nilai kepada simpanan persaraan.

Pengeluaran simpanan dari Akaun 1 hanya boleh dikeluarkan apabila ahli mencapai umur 55 tahun manakala simpanan daripada Akaun 2 hanya boleh dikeluarkan bagi menambah nilai keperluan persaraan. Pengeluaran yang dibenarkan daripada Akaun 2 adalah bagi tujuan perumahan, pendidikan, kesihatan bagi penyakit kritikal dan untuk mengerjakan haji. Jenis pengeluaran adalah tertakluk kepada keutamaan ahli mengikut keperluan dan jumlah simpanan yang ada dalam Akaun 2. Pencarum juga boleh mengeluarkan keseluruhan baki caruman di dalam Akaun 2 setelah pencarum mencapai umur 50 tahun bagi membolehkan ahli membuat persediaan dan perancangan sebelum bersara.

Bagi tujuan perumahan, KWSP telah memperkenalkan Skim Pengeluaran Perumahan di mana ahli boleh memohon untuk

mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk :

1. Membeli / membina rumah;
2. Membayar ansuran bulanan pinjaman perumahan; dan
3. Mengurangkan/ menyelesaikan baki pinjaman perumahan untuk diri dan juga pasangan.

Walau bagaimanapun, pengeluaran adalah tertakluk kepada jumlah simpanan yang ada dalam Akaun 2.